

12 JAN 1998

MAHATHIR RASMI DIALOG PASIFIK KEEMPAT

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Dialog Pasifik Keempat, perhimpunan tahunan tokoh-tokoh ekonomi dan keselamatan serantau di sini hari ini.

Persidangan dua hari itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat William Cohen, yang tiba di sini semalam, adalah antara lebih 60 pemimpin politik, pembuat dasar dan cendekiawan yang menyertai dialog tersebut.

Persidangan itu dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Pusat Dasar Asia Pasifik Washington dan Institut Kajian Dasar Malaysia (IKD). -- BERNAMA

MAM NN NMO